

# 5 pegawai imigresen mengaku salah

Tujuh ditahan dalam Ops Selat SPRM didakwa di mahkamah berasingan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohamed Farid Noh, Farah Marshita Abdul Patah, Amir Mamat dan Nur Izzati Mohamad bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tujuh pegawai imigresen yang ditahan dalam Ops Selat bulan lalu kerana menerima wang sogokan untuk memperakuan cop keluar masuk pasport warga asing tanpa perlu meninggalkan negara ini, didakwa secara berasingan, semalam.

Selain itu, seorang warga Bangladesh yang ditahan dalam operasi sama oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana memberi sogokan kepada pegawai imigresen untuk melepaskan lapan rakan senegaranya, turut didakwa.

Lima pegawai imigresen yang menghadapi tuduhan semalam mengaku salah. Tiga daripada mereka dijatuhi hukuman penjara di antara 30 hari hingga 12 bulan serta denda di antara RM12,000 dan RM30,000, manakala hukuman terhadap dua lagi ditangguhkan.

Lagi dua tertuduh mengaku tidak bersalah. Masing-masing menghadapi pertuduhan memperoleh wang daripada individu yang mempunyai hubungan kerja rasmi dengan mereka, di antara April 2018 hingga 22 September lalu.

Mereka dituduh mengikuti Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun dan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mereka juga menghadapi pertuduhan pilihan gagal melaporkan kesalahan sogokan itu kepada SPRM berhubung penyalahgunaan perakuan cop keluar dan masuk pada pasport warga asing.

Pertuduhan itu mengikuti Seksyen 25 (1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(2) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semua mereka didakwa di Mahkamah Sesyen, negeri tempat buku akaun bank yang digunakan untuk menerima sogokan itu dibuka.

Op Selat dilancarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Jabatan Imigresen, bagi membanteras sindiket rasuah dalam pemalsuan cop keluar masuk tanpa perlu melintasi sempadan negara.



**Mohamad Hariss (depan) dan Fasmawi** dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



**Azhar (dua dari kanan) dan Syafik (kiri)** tiba di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. (Foto Zain Ahmed/BH)



**Muhammad Shafiq** di Mahkamah Sesyen Melaka, semalam.



**Akashah Roslan**

Hasil operasi sejak 16 November lalu, seramai 53 suspek termasuk 33 pegawai imigresen, ditahan di seluruh negara. Sindiket itu dikesan mempunyai rangkaian aktiviti jenayah penyeludupan antarabangsa khusus dari China, Vietnam, Indonesia dan Bangladesh.

Dalam operasi terbabit juga, SPRM turut merampas wang tunai lebih RM800,000, 26 kereta mewah dan empat motosikal berkuasa tinggi daripada suspek yang ditahan untuk siasatan lanjut.

Di Mahkamah Sesyen Butterworth, pegawai imigresen Gred KP19, Akashah Roslan, 38, dihukum penjara 30 hari dan denda RM12,000 bagi tiga pertuduhan menerima suapan RM3,060 selepas mengaku bersalah di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, pegawai Gred KP19 itu didakwa menerima wang RM3,060, daripada individu dikenali Mohd Azril Azi-

zan melalui akaun CIMB miliknya, berkaitan kerja pejabatnya.

Akashah yang bertugas di Jabatan Imigresen, Bangunan Sultan Iskandar, Johor didakwa menerima suapan itu di antara 22 Jun hingga 14 September 2018 menerusi akaun miliknya di Bank CIMB Bandar Bayan Baru, daerah Barat Daya di sini.

Di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Azhar Ahmad M Salbi, 27, pegawai imigresen di Bangunan Sultan Iskandar, dihukum penjara 12 bulan dan denda RM20,000 oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Kamrudin Kamsun, selepas mengaku bersalah menerima rasuah RM1,250 daripada ejen pekerja asing sebagai balasan mendapatkan perakuan cop keluar masuk pasport warga asing, dua tahun lalu.

Seorang lagi pegawai imigresen di bangunan sama, Syafik Abu Khalipah, 25, mengaku tidak bersalah terhadap tujuh pertuduhan menerima rasuah RM24,395 daripada ejen sama, menerusi akaun bank di Larkin Perdana, Johor Bahru di antara 22 Oktober tahun lalu hingga 22 September tahun ini.

Syafik turut mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan pilihan menerima RM21,275 bagi memberikan cop sama, menerusi akaun banknya di antara 22 Oktober dan 29 Disember tahun lalu serta RM3,120 lagi di antara 20 Februari hingga 22 September ta-



**Baliyan (kiri)** dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

hun ini.

Berikut pengakuan tidak bersalah itu, tertuduh dibenarkan ikat jamin RM40,000 dengan 21 Januari depan ditetapkan untuk sebutan semula kes itu.

Di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, dua pegawai imigresen yang turut bertugas di Johor, dihadapkan dengan 33 pertuduhan, menerima suapan bernilai RM154,340 sepanjang April 2018 hingga November 2019.

Tertuduh pertama, Mohamad Hariss Rosli, 27, berdepan 31 tuduhan membabitkan nilai RM152,940, manakala tertuduh kedua, Fasmawi Ab Wahab, 24, menghadapi dua tuduhan dengan suapan bernilai RM1,400.

Ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor, Mohamad Hariss mengaku bersalah bagi tuduhan pertama hingga ke-18, dan mohon dibicarakan bagi pertuduhan 19 hingga 31.

Mohamad Hariss didakwa menerima sogokan daripada beberapa individu membabitkan nilai keseluruhan RM152,940 menerusi akaun Maybank Islamic miliknya, yang beralamat di Jalan Mahmood, Kota Bharu, bagi tempoh April 2018 hingga November 2019.

Fasmawi pula mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan menerima suapan bernilai RM1,400 pada Februari dan Mac 2019, menerusi akaun Maybank Islamic miliknya beralamat di Tumpat.

Mahkamah menetapkan 22 Di-

seber ini sebagai tarikh bacaan fakta dan hukuman terhadap kedua-dua tertuduh.

Di Mahkamah Sesyen Melaka, pegawai imigresen Muhammad Shafiq Suboh, 29 didenda RM30,000 selepas mengaku salah atas tiga pertuduhan pilihan menerima suapan berjumlah RM1,480 bagi urusan cop perakuan keluar masuk negara membabitkan warga asing, dua tahun lalu.

Di Mahkamah Sesyen Shah Alam, pegawai imigresen Gred KP19 di Bangunan Sultan Iskandar Johor, Baliyan Mohd Bhanudin, 32, mengaku tidak bersalah atas lapan tuduhan termasuk empat pertuduhan pilihan, menerima suapan berjumlah RM7,120 bagi urusan perakuan cop keluar masuk pada 2018 dan 2019.

Tertuduh dibenarkan ikat jamin RM50,000 oleh seorang penjamin, dan 18 Januari depan ditetapkan untuk sebutan semula kes itu.

Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, warga Bangladesh Ahmed Md Rana, 37, didenda RM10,000 atau penjara 12 bulan, selepas mengaku bersalah menerima sogokan RM8,500 kepada seorang pegawai imigresen di Pejabat Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Seputeh, sebagai upah membantu melepaskan lapan rakyat senegaranya, pulang ke negara asal tanpa diambil tindakan undang-undang, bulan lalu.